



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/3/7 Jld.3 (64)

Tarikh : 22 Mac 2024

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Di Bawah Seliaan JANM Negeri Pahang

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN PENUTUPAN AKAUN BULANAN BAGI BULAN MAC 2024

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan buletin Jabatan ini rujukan ANM.PHG.600-15/2/85 JLD.3(13) bertarikh 15 Disember 2023 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa selaras dengan penutupan akaun bulanan bagi bulan Mac 2024, semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan JANM Negeri Pahang hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut :

2.1 ARAHAN PEMBAYARAN

- (i) Sila pastikan dokumen Arahan Pembayaran dilaksanakan sehingga **PERAKUAN 2** selewat-lewatnya jam **12.00 TENGAH HARI** pada **29 MAC 2024 (JUMAAT)**. Tindakan peraku 2 hanya boleh diteruskan bermula 1 April 2024 (Isnin);
- (ii) PTJ adalah tertakluk kepada peraturan pembayaran bil dalam tempoh 14 hari seperti yang dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 103(a);
- (iii) Sekiranya GAGAL mematuhi arahan seperti di para 2.1 (i), sila kemukakan **surat penjelasan ketidakpatuhan** dan salinan diemelkan ke bayaran_phg@anm.gov.my **sebelum atau pada 5 April 2024**.

2.2 TERIMAAN

- (i) Sila pastikan semua kutipan sebelum atau pada **29 MAC 2024 (JUMAAT)** telah dibankkan **selewat-lewatnya jam 3.00 petang** seperti ditetapkan AP78;
- (ii) Manakala bagi kutipan lewat pada 29 MAC 2024 yang tidak sempat dibankkan dan kutipan pada 30 hingga 31 MAC, **WAJIB** disediakan RESIT dan dibuat **SERAHAN WANG selewat-lewatnya pada 31 MAC 2024 (AHAD)** sebelum **jam 11.59 MALAM**;

(iii) Sekiranya GAGAL mematuhi arahan seperti di para 2.2 (i) dan (ii), sila kemukakan **surat penjelasan ketidakpatuhan** dan salinan diemelkan ke terimaan_phg@anm.gov.my **sebelum atau pada 5 April 2024**.

3. Perhatian dan komitmen pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam mematuhi arahan ini amatlah diharapkan bagi memastikan proses penutupan akaun bulanan berjalan lancar.


Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasakan Budaya Inovasi Digital"

Saya yang menjalankan amanah,



(FREDRICK GUPONG ANAK TAWAN C.A. (M), ACMA, CGMA)
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pahang